



**Mengubah Budaya Kerja,
Tangani Cabaran Semasa**

Mesyuarat ke-64 Majlis Tanah Negara (MTN)

Menarik Di Dalam:

- Sambutan Hari Kualiti 2008
Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar
- Pelancaran Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2008
(MASM)
- Sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2008
- Pelancaran Pusat Kecemerlangan Undang-Undang Biodiversiti
(CEBLAW) Pertama Di Dunia
- IPBES : Komitmen Negara Terhadap Penubuhan
Panel Antarabangsa Mengenai Biodiversiti &
Ekosistem



• Amalan Mesra Alam Di Sekolah



Dari Meja KSU



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Buletin NRE edisi ketiga tahun 2008 muncul dengan hasrat untuk berkongsi pengalaman dan maklumat, khususnya di kalangan warga NRE dan seluruh pembaca amnya. Buletin ini telah dimuatkan dengan pelbagai perkembangan dan aktiviti-aktiviti menarik yang berlaku pada suku akhir tahun 2008. Tumpuan kali ini diberikan terhadap peningkatan kualiti penyampaian awam dan sekaligus jua peningkatan imej NRE. Dalam sambutan Hari Kualiti atau Hari Q yang diadakan di NRE pada bulan November yang lalu, pelbagai penambahbaikan dan perubahan yang positif telah dikongsi bersama bagi manfaat warga NRE. Justeru, adalah penting kita semua menghayati dan melaksanakan segala usaha positif tersebut. Kita sedia maklum bahawa perubahan seringkali diiringi dengan cabaran.

Cabaran pula menguji kebijaksanaan dan kewibawaan kita untuk menanganinya. Sehubungan itu, ada baiknya juga untuk kita mengimbas kembali semua inisiatif berkaitan dengan kualiti yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi meningkatkan mutu perkhidmatan awam. Inisiatif ini diperkenalkan dengan hasrat untuk menangani karenah birokrasi dan bertujuan meningkatkan prestasi penyampaian perkhidmatan awam kepada orang ramai. Antaranya ialah seperti pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti berdasarkan MS ISO 9001:2000, Petunjuk Prestasi Utama (KPI), Piagam Pelanggan, Penandaarasan (*benchmarking*), Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) serta mengamalkan pendekatan Kerajaan Elektronik. Warga NRE perlulah memberikan sepenuh komitmen agar pelaksanaannya dapat dilakukan secara menyeluruh dan berkesan di NRE dan Jabatan/Agensi di bawahnya. Sukalah untuk saya menyatakan bahawa pencapaian NRE dalam 5S adalah amat membanggakan. Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI) telah berjaya melaksanakan 5S dan merupakan agensi kerajaan yang pertama di Putrajaya yang telah memperolehi sijil 5S.

Meskipun begitu, ini bukanlah alasan untuk kita mendabik dada kerana permulaan dari kejayaan ini amat memerlukan kesepaduan usaha dan tanggungjawab dalam diri setiap individu di NRE untuk meneruskan kesinambungan kejayaan ini. Di kesempatan ini juga ingin saya menyeru setiap warga NRE agar menekankan aspek kualiti peribadi agar mutu kerja yang terhasil kelak adalah turut berkualiti. Antara kualiti yang sangat diperlukan adalah seperti mempunyai wawasan, komited, bijak membuat keputusan, berkebolehan mengelola, disiplin diri yang tinggi, mempunyai "sense of urgency" serta mempunyai sifat proaktif dan inovatif ditambah lagi dengan kemesraan dan kerjasama di antara satu sama lain. Sebagai penutup tirai, saya juga ingin mengucapkan syabas di atas kejayaan bagi tahun 2008 dan seterusnya ingin mengucapkan Selamat Tahun Baru 2009 kepada semua warga NRE. Adalah diharapkan kita semua dapat membentuk azam baru yang tentunya lebih baik dari semalam di samping berusaha dengan lebih gigih dan berdedikasi lagi bagi meningkatkan lagi imej dan prestasi di NRE. Usaha ini sekaligus akan membantu mencapai lebih banyak lagi kejayaan dalam memberikan perkhidmatan yang lebih berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, wassalam

Y.Bhg. Datuk Suboh bin Mohd Yassin

Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Sidang Pengarang Buletin NRE 3/2008

Penaung

Y. Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin
Ketua Setiausaha
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

Sidang Redaksi

Ketua Pengarang

Dr. Amerjit Singh A/L S. Bhag Singh

Pengarang

Wan Azizah Wan Omar
Cik Nor Azean Hasan
Cik Mazita Yaakob

Jurufoto

En. Mohd Azhar Mokhtar
En. Mohamad Haidhir Hamzah

Sidang Redaksi Buletin NRE mengalu-alukan sebarang bentuk sumbangan rencana dan karya kreatif daripada warga NRE. Sidang redaksi berhak menyunting setiap rencana yang disiarkan. Segala sumbangan hendaklah dihantar terus kepada :

Sidang Redaksi Buletin NRE

Seksyen Perhubungan Awam
Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
Aras 15, No. 25 Persiaran Perdana
Wisma Sumber Asli Presint 4
62574 Putrajaya.
e-mel : norazean@nre.gov.my
Tel : 03-8886 1728 Faks : 03-8889 4763

Rekabentuk :

KAB Communication Sdn. Bhd.

Tel : 03-8890 2387 Faks : 03-8890 3387

Renungan Sejenak

Sekiranya ia gagal,
akuinya secara terbuka dan cubalah lagi.
Akan tetapi yang paling utama ialah
terus mencuba sesuatu.

If it fails admit it frankly and try another.
But above all, try something

- Franklin D. Roosevelt

Pelancaran Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan 2008 (MASM)

Oleh : Ling Ling Chui



Mesra bersama... Y.B. Datuk Douglas bersama pelajar-pelajar yang hadir memeriahkan sambutan Minggu Alam Sekitar 2008

Pembukaan Semula Paya Indah Wetlands & Kempen Kesedaran Alam Sekitar



Dengkil, 20 Oktober - Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Majlis Pelancaran Minggu Alam Sekitar Peringkat Kebangsaan yang ke -17 dengan membawakan tema "Environmental Conservation, Our Shared Responsibility".

Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, bertempat di *Paya Indah Wetlands*, Dengkil, Selangor. Selain itu, turut dilancarkan bersama ialah pembukaan semula *Paya Indah Wetlands* oleh Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) dan Kempen Kesedaran Alam Sekitar. Seramai 500 tetamu daripada pelbagai peringkat sektor jabatan/agensi kerajaan dan swasta telah menghadiri majlis pelancaran tersebut. Manakala seramai 920 orang pelajar daripada 21 buah sekolah di sekitar Bangi, Banting, Cyberjaya, Kajang, Putrajaya dan Dengkil telah hadir bagi menyokong Kempen Penanaman Semula Pokok di *Paya Indah Wetlands*.



Acara berbasikal mengelilingi *Paya Indah Wetlands* oleh Y.B. Menteri dan Y.Bhg. Datuk KSU NRE



Sokongan selebriti tempatan dalam Kempen Penanaman Pokok di *Paya Indah Wetlands*... Awie dan Joe dari kumpulan Wings menanam pokok dan diperhatikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha I, NRE, Dato' Zool Azha Yusof

Sambutan Hari Kualiti 2008 Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Oleh : Mohd Azhar Mokhtar

Putrajaya, 6 November - Sambutan Hari Kualiti Peringkat Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah diadakan pada 6 hingga 7 November 2008, bertempat di Wisma Sumber Asli.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Antara aktiviti yang dilaksanakan sepanjang sambutan yang berlangsung sepanjang dua hari ialah Pelancaran Portal NRE, Penyampaian Hadiah Kualiti, Pameran Kualiti dan Mini Konvensyen 5S dan lain-lain lagi. Manakala, pada 7 November pula aktiviti diteruskan dengan program Hari Bertemu Pelanggan NRE beserta Jabatan dan Agensi.

- 1 Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr. Abd. Latif Mahmud (kiri) menerima Anugerah Kualiti daripada Y.Bhg Datuk Suboh (kanan) dan diperhatikan oleh TKSU I NRE, Dato' Zool Azha Yusuf
- 2 Produk berkualiti... Ketua Pengarah JPSM, Dato' Seri Azahar Muda memperkenalkan produk dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)
- 3 Persembahan Dikir Barat dari Bahagian MACGDI sempena Hari Q
- 4 Y.Bhg Datuk KSU meluangkan masa menghadiri pameran Kualiti daripada jabatan dan agensi.
- 5 Pelajar sekolah tidak melepaskan peluang bersalaman dengan Datuk KSU NRE



Y.B Senator Dato' Maznah Mazlan melancarkan kempen "Say No To Plastic" dan bersalaman dengan Presiden Coral Malaysia, Jamhariah Jaafar

Majlis Penutupan International Year Of Reef 2008 (IYOR 2008) - Malaysian Chapter

Oleh : Mohd Nizam Ismail

Kuala Lumpur, 13 Disember - Majlis Penutupan IYOR 2008 telah dirasmikan oleh Y.B Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar bertempat di The Mattic, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Antara yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah JTLM, Tn. Hj. Kamaruddin dan wakil-wakil daripada NRE, NGOs, media dan selebriti tempatan. IYOR 2008 merupakan kempen global yang bertujuan untuk meraih kesedaran awam mengenai kepentingan terumbu karang dan sumbangan kepada kehidupan yang lebih berkualiti. Sebanyak 35 aktiviti telah dikendalikan oleh JTLM sepanjang kempen IYOR ini antaranya ialah penubuhan Rakan Park Tioman, Tioman Warisan Kita, Pertandingan Fotografi bawah air, Pembersihan Tapak Sulaiman Mahkota Berduri dan Kem Pendidikan Marin. Sambutan IYOR ini diterajui

oleh JTLM ini turut disokong oleh UNDP, GEF, WWF, MNS, Reef Check dan beberapa universiti tempatan. Selain itu, IYOR 2008 juga menyaksikan pemilihan pelakon Maya Karin sebagai Duta Terumbu Karang Antarabangsa sebagai usaha untuk menarik minat masyarakat untuk menyedari kepentingan terumbu karang.



Y.B Timbalan Menteri dalam sesi lawatan ke gerai pameran JTLM

Mesyuarat ke-64 Majlis Tanah Negara (MTN)

Oleh : Syamsuria Abdul Latif



Putrajaya, 23 Disember - Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak telah mempengerusikan Mesyuarat Ke-64 Majlis Tanah Negara yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Sebanyak lima kertas pertimbangan dan tiga kertas makluman telah dibentangkan pada mesyuarat pada kali ini. MTN yang ditubuhkan dibawah Perkara 91 (3) Perlembagaan Persekutuan bertujuan untuk membentuk dasar-dasar bagi pemajuan dan pengawalan penggunaan serta undang-undang tanah. Selain itu, MTN juga bertujuan membincangkan dasar dan perundangan mengenai penggunaan tanah serta menyelesaikan isu-isu pentadbiran tanah negara bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pentadbiran tanah. Mesyuarat yang diurus setiakan oleh Bahagian Tanah Ukur dan Pemetaan, NRE ini telah dihadiri oleh Menteri-menteri Persekutuan, Menteri-menteri Besar, Ketua-ketua Menteri serta wakil-wakil daripada Kementerian dan Jabatan peringkat persekutuan dan negeri yang bertanggungjawab dalam aspek berkaitan tanah.



Mesyuarat JPICT NRE Bil. 4 2008 & Lawatan Penggunaan Teknologi VSAT

Oleh : Mohd Hanafe Basree

Bukit Tinggi, Pahang - Seramai 38 pegawai ICT dari NRE beserta Jabatan / Agensi telah menghadiri Mesyuarat JPICT yang diadakan di Colmar Tropicale Resort, Pahang. Mesyuarat dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Setiausaha II, Y. Bhg. Dato' Haji Azmi bin Che Mat.



Dato' Hj Azmi dalam sesi pengujian ke atas capaian sistem aplikasi menggunakan Teknologi VSAT



Antara pegawai yang menghadi sesi lawatan ke IBD Lanchang



Lawatan ke Muzium Zoologi, Lanchang

Mesyuarat yang berlangsung pada 23 November sehingga 25 November dimulai dengan Mesyuarat Pra JPICT NRE pada 23 November diikuti dengan Mesyuarat JPICT NRE dan Taklimat ICT NRE pada keesokannya. Selain memperhalusi kertas cadangan yang dikemukakan, mesyuarat ini juga merupakan platform diskusi dalam merencana agenda bagi meningkatkan pengurusan ICT.

Seterusnya, sesi lawatan turut diadakan ke Institut Biodiversiti (IBD) dan Pusat Konservasi Pemuliharaan Gajah di Kuala Gandah bersama Y. Bhg. TKSU II. Lawatan ini bertujuan membuat pengujian ke atas capaian sistem aplikasi EG, Enterprise Wide NRE, internet dan penggunaan email menggunakan teknologi VSAT.

Putrajaya, 22 September- Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengadakan Perhimpunan Bulanan Bersama Ketua Setiausaha NRE, Y.Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin.



Perhimpunan Bulanan NRE Bersama KSU : Mengubah Budaya Kerja, Tangani Cabaran Semasa

Majlis ini turut dihadiri oleh Timb. Ketua Setiausaha I, Y.Bhg Dato' Zol Azha Yusof dan Timbalan Ketua Setiausaha II, Y.Bhg Dato' Hj. Azmi Che Mat serta pegawai dan kakitangan NRE. Amanat utama Y.Bhg Datuk KSU ialah supaya warga NRE sentiasa berusaha meningkatkan prestasi kerja sejajar dengan pemberian bonus oleh kerajaan baru-baru ini. Beliau juga turut menyarankan supaya warga NRE melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan dalam budaya kerja bagi menangani cabaran pada masa depan. Beliau turut berkesempatan menyampaikan sumbangan sempena sambutan aidiilfitri kepada kakitangan sokongan di NRE.



Konvensyen KMK & Anugerah Inovasi Serta Sambutan Hari Q Dan Integriti JPS Malaysia

2008



Ucapan perasmian disampaikan oleh Y. Bhg Dato' Hj. Azmi bin Che Mat, Timbalan Ketua Setiausaha II (NRE)

Oleh : Sayed Yazid Sayed Jamaluddin Safri

Johor Bharu - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengadakan Konvensyen KMK dan Anugerah Inovasi serta Sambutan Hari Q dan Integriti JPS 2008 pada 30 Oktober hingga 1 November 2008. Bertempat di Hotel Selesa, Johor Bharu, seramai lebih 500 orang terdiri daripada peserta-peserta Inovasi, KMK, penerima sijil ISO 9000, ISO 14000 dan OHSAS 18000 telah hadir. Sebanyak 9 kumpulan telah terlibat untuk Konvensyen KMK dan 13 kumpulan untuk Persembahan Inovasi yang terdiri daripada pejabat-pejabat JPS Projek, Daerah dan Negeri. Selain itu, aktiviti pameran diadakan bagi mempamerkan produk-produk inovasi yang telah memenangi pertandingan kali ini. Majlis Makan Malam Bersama Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri

Johor, Y.Bhg. Dato' Hj. Abdul Ghaffar bin Abdullah turut diadakan. Turut hadir ialah Y. Bhg Dato' Ir. Hj. Ahmad Husaini bin Sulaiman, Ketua Pengarah JPS Malaysia dan Ir. K. John Abraham, Timbalan Ketua Pengarah, (Operasi) selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Hari Q dan Integriti JPS Malaysia 2008 beserta Pengarah-pengarah Bahagian, Negeri dan Jurutera-jurutera Projek. Kemuncak Sambutan Hari Q dan Integriti JPS ialah pada 1 November pengumuman nama pemenang untuk Konvensyen KMK dan Persembahan Inovasi. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg Dato' Azmi bin Che Mat, TKSU II (NRE) antara yang menarik ialah persembahan showcase yang bertajuk "Ke Arah Organisasi Bertaraf Dunia 2010".

Forum

Oleh : Aishah Bahari

Water and Environment Partnership in Asia (WEPA) Kali Ke - 3



Putrajaya, 23 Oktober -

YB Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merasmikan Forum 'Water and Environment Partnership in Asia (WEPA)' Kali Ke 3 di Hotel Marriot, Putrajaya. Sejak penubuhan WEPA pada tahun 2003, forum ini merupakan kali ketiga telah diadakan selepas Filipina, Bheepu dan Jepun. Program kerjasama antara Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia dengan Kementerian Alam Sekitar Jepun ini telah menarik seramai 90 peserta luar negara dan 55 peserta dari dalam negara.





Pelancaran buku oleh Y.B. Menteri dan saksi oleh Datuk Rafiah Salim, Datuk Suboh Mohd Yassin dan Hari Ramalu Ragavan



Gimik Pelancaran... Y.B Datuk Douglas ketika melancarkan CEBLAW turut bersama ialah Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Rafiah Salim

Pelancaran

Pusat Kecemerlangan Undang-Undang Biodiversiti (CEBLAW) Pertama Di Dunia

KUALA LUMPUR, 18 September - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Y.B. Datuk Douglas Uggah Embas telah melancarkan Pusat Kecemerlangan Undang-undang Biodiversiti (CEBLAW) yang pertama di dunia. Penubuhan pusat ini merupakan usaha untuk meningkatkan tahap pengurusan sumber biodiversiti yang kaya di Malaysia.

Dalam ucapannya, beliau berkata bahawa pelancaran CEBLAW bertujuan untuk membuktikan komitmen kerajaan dalam menguruskan sumber biodiversiti untuk di manfaatkan oleh negara dan generasi akan datang. Antara lain penubuhan pusat ini untuk membantu perkembangan penyelidikan, pembangunan dan latihan dalam hal ehwal yang berkaitan dengan isu-isu perundangan dalam biodiversiti. Beliau turut melancarkan tiga buah buku antaranya ialah buku terbitan

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dengan kerjasama CEBLAW iaitu *The Biosafety Act of Malaysia : Dispelling the Myths*. Majlis yang diadakan di Auditorium Tun Mohamed Suffian, Fakulti Undang-Undang, Universiti Malaya ini turut dihadiri oleh Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Rafiah Salim, Ketua Setiausaha NRE, Datuk Suboh Mohd Yassin serta wakil daripada UNDP, Hari Ramalu Ragavan.



Lawatan Duta Jepun Ke FRIM

Oleh : Toh An Nee

Kepong, 5 November - Duta Jepun, En. Masahiko Horie dan isterinya, Puan Yoko Horie, serta Setiausaha Kanan (Kesihatan, Buruh dan Kebajikan) Kedutaan Jepun En. Takehiro Ono telah mengadakan lawatan ke Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).



Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abd Latif (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Mr Horie



Kenangan di FRIM ... Dari kanan: Puan Norhayati Nordin, Mr Ono, Dr Marzalina Mansor, Mrs Horie, Mr Horie, Dato' Abd Latif, Mr. Zamshari Abd Rahman, Mr Ismail Harun, Dr Norwati Muhammad dan Dr Rasadah Mat Ali.

Taklimat ringkas telah disampaikan oleh Ketua Pengarah FRIM, Dato' Dr Abd Latif Mahmod. Dalam ucapannya, En Horie mengucapkan terima kasih di atas layanan mesra yang diberikan oleh pihak FRIM. Beliau juga amat menghargai sumbangan FRIM dari segi penyelidikan dan pembangunan hutan, yang bukan hanya penting di Malaysia tetapi juga di rantau Asia dan global. Dalam sesi lawatan tersebut, antara tempat lawatan ialah Makmal Genetik dan Makmal Tisu Kultur, Titian Gantung, Malay Tea House dan acara menanam pokok di hadapan Bangunan Biotek.

Meluangkan masa menandatangani buku yang dilancarkan oleh beliau





Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, pada 13 Oktober, bertempat di Dewan Baiduri NRE.

Majlis Dialog Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) dan Pelan Kawalan Hakisan dan Sedimen (ESCP) pada 3 November, bertempat di Dewan Baiduri, Wisma Sumber Asli Putrajaya, anjuran Bahagian Pengaliran dan Saliran, NRE.



Persidangan Dan Pameran Waste Management 2008 "Profiting From Green Practises" pada 11 hingga 12 November 2008, bertempat di Sime Darby Convention Centre, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dianjurkan oleh Environment Managements and Research Association of Malaysia (ENSEARCH)



Seminar On Forest Biotechnology 2008 Kali Ke-3, pada 11 hingga 12 November, Bertempat Di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong dianjurkan Oleh FRIM dan dirasmikan Oleh Y.B Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar



Y.B Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar merasmikan Seminar Perladangan Hutan Getah Kebangsaan 2008, pada 13 November, bertempat di Best Western Pacific Hotel, Kuala Lumpur, anjuran Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM)

LenSA NRE

September- Disember 2008



Forum Technology Transfer pada 25 November hingga 26 November, diadakan di FRIM, Kepong dan dianjurkan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan telah dirasmikan oleh Y.Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar



Lawatan Kerja Y.B Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) ke Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG), Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, pada 27 November 2008



Majlis Pelancaran Program Membentuk Pelan Pengurusan Bersepadu Pulau Banding, pada 17 hingga 18 November 2008, bertempat di Pulau Banding, Perak anjuran Yayasan Pulau Banding. Majlis ini telah dilancarkan oleh Y.Bhg Datuk Suboh Mohd Yassin, Ketua Setiausaha NRE. Antara yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Dato' Seri Azahar Muda



Ketua Pengarah Jabatan Mineral dan Geosains, Datuk Hj. Yunus Abdul Razak menyampaikan taklimat ringkas kepada Timbalan Menteri NRE, Y.B Senator Dato' Maznah Mazlan (tengah) sewaktu lawatan Y.B Timbalan Menteri ke kejadian tanah runtuh di Ulu Yam, Selangor pada 2 Disember 2008. Antara yang turut hadir ialah, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Hajjah Rosnani (kanan)



Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Y.B. Senator Dato' Maznah Mazlan menggunakan bekas air basuhan sayur-sayuran untuk menyiram tumbuh-tumbuhan bagi menyelamatkan ozon pada sambutan Hari Ozon Antarabangsa 2008 yang bertemakan 'Save the Ozone Layer-Save Our Children' pada 7 September, di Pusat Sains Negara.

Lawatan Kerja Y.B Menteri Ke Projek Tebatan Sungai Muda Dan Sistem e-Tanah

Oleh : Wan Azizah Wan Omar



SUNGAI PETANI, 11 September - Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, YB Datuk Douglas Uggah Embas telah mengadakan lawatan ke projek tebatan Sungai Muda. Turut hadir Ketua Setiausaha NRE Datuk Suboh Yassin, Timb. Ketua Setiausaha I, Dato' Zool Azha Yusof dan Ketua Pengarah JPS, Dato' Ir. Hj. Ahmad Hussaini Sulaiman.

Projek yang akan siap pada tahun 2012 itu, dijangka dapat mengatasi masalah banjir di selatan Kedah dan di Seberang Perai Utara. Projek yang bernilai RM1.2 bilion itu merupakan yang terbesar di negara ini dimulakan sejak Mei 2001. Selain itu, beliau juga turut berkesempatan melakukan lawatan ke Pejabat Daerah Seberang Perai Utara pada keesokannya. Beliau telah diberikan penerangan mengenai Sistem e-Tanah. Sistem ini lebih 90 peratus siap dibangunkan, di jangka digunapakai sepenuhnya di Pulau Pinang mulai tahun depan. Sejak diperkenalkan 2005, dua daripada sembilan modul yang dibangunkan dalam sistem ini iaitu pendaftaran dan hasil telah mula digunakan di semua pejabat daerah di negeri itu sejak 2007.



Kuala Lumpur, 28 Oktober 2008 - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengadakan Majlis Taklimat Eksklusif Operasi Terowong SMART Bersama Ketua Pengarang Media Massa yang diadakan di Pusat Kawalan SMART, Kg. Berembang. Seramai 31 wakil media cetak dan elektronik tempatan telah menghadiri sesi taklimat ini. Objektif majlis ini adalah untuk memberi penerangan kepada pihak media tentang peranan JPS dalam menangani masalah banjir Kuala Lumpur dan fungsi sebenar terowong SMART. Selain menjalin kerjasama antara JPS dan media, program ini merupakan usaha untuk menyampaikan maklumat yang tepat kepada masyarakat. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Y.B Datuk Douglas Uggah Embas,

Taklimat Eksklusif Operasi Terowong SMART Bersama Ketua Pengarang Media

Oleh : Sayed Yazid Sayed Jamaluddin Safri



Penerangan daripada Ketua Pengarah JPS, Dato' Ir. Hj. Ahmad Hussaini Sulaiman kepada Y.B Menteri dan wakil media yang Hadir

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Setelah sesi taklimat selesai, Y.B Menteri bersama Ketua Pengarah JPS, Dato' Ir. Hj. Ahmad Hussaini Sulaiman beserta wakil media melawat di sekitar Kolam Takungan Kg. Berembang.

BANGI, 1 Disember - YB Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah merasmikan *Regional Workshop on Developing Partnership for Water and Climate Change Adaptation* yang dijalankan di Hotel Equatorial, Bangi-Putrajaya.

oleh : Aishah Bahari



Regional Workshop

on Developing Partnership for Water and Climate Change Adaptation

Bengkel ini telah dijalankan selama lima hari bertujuan untuk memahami kesan perubahan iklim terhadap pengurusan sumber air serta perkongsian maklumat mengenai langkah-langkah adaptasi perubahan iklim di Rantau Asia Pasifik. Bengkel ini telah disertai oleh peserta daripada dalam dan luar Negara seperti Jepun, Kemboja, Thailand, Laos PDR, China, Myanmar, Indonesia, Uzbekistan, Vietnam dan Nepal. Selain

itu, beliau juga melancarkan secara rasmi NAHRIM sebagai *Regional Water Knowledge Hub for Water and Climate Change Adaptation*. NAHRIM telah dilantik sebagai salah sebuah pusat daripada 12 pusat rujukan air pada bulan Jun 2007 di Singapura susulan Minggu Air Singapura (*Singapore Water Week*).



Majlis Pelancaran Edukit "Penggembaraan Ozi Ke Malaysia"

Putrajaya, 25 September - Bagi menghargai Sambutan Hari Ozon pada 16 September yang lalu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah mengadakan Pelancaran Edukit "Penggembaraan Ozi Ke Malaysia".

Penerbitan Edukit tersebut merupakan pakej pendidikan yang dibangunkan oleh JAS berpandukan kepada United Nations Environment Programme (UNEP) yang mengandungi maklumat mengenai lapisan ozon dan kesan penipisannya. Sambutan Hari Ozon pada tahun ini bertemakan Montreal Protocol-Global Partnership For Global Benefits dan telah dilancarkan oleh Y.Bhg Senator Datuk Maznah Mazlan, Timbalan Menteri NRE, di SMK Presint II (I), Putrajaya. Seramai 250 pelajar termasuk wakil-wakil daripada Kementerian Pelajaran, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar beserta wakil jabatan dan agensi hadir memeriahkan pelancaran ini.



Taklimat Pengendalian Dan Pengurusan Aduan Awam



Oleh : Nor Azean Hasan

Putrajaya, 10 Oktober - Sebagai usaha untuk meningkatkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan dan penambahbaikan terhadap pengendalian aduan awam di peringkat NRE dan Jabatan/Agensi, Seksyen Perhubungan Awam (SPA) NRE telah mengadakan taklimat yang bertajuk Pengendalian dan Pengurusan Aduan Awam. Sesi taklimat yang diadakan di Bilik Mesyuarat Topaz ini disampaikan oleh En. Mohd Zin bin Musa, Timbalan Ketua Pengarah, Biro Pengaduan Awam, Putrajaya dan En. Noor Iskandar Zubir, Pegawai Teknologi Maklumat, BPA juga turut menyampaikan taklimat mengenai Projek Sistem Pemantauan Aduan Agensi Awam (i-SPAAA). Seramai 22 orang Pegawai Perhubungan Aduan yang telah dilantik terdiri daripada pegawai-pegawai yang mengendalikan aduan di peringkat NRE beserta jabatan/agensi telah menghadiri sesi taklimat ini. Selain itu, PPA juga turut berpeluang untuk mengajukan soalan dan mengutarakan masalah kepada pihak BPA.

Ketua Seksyen Perhubungan Awam, Dr. Amerjit Singh, menyampaikan cenderahati kenangan kepada En. Mohd Zin



Sesi taklimat dari Timbalan Ketua Pengarah, BPA.



Putrajaya 10 Nov - Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar telah mengadakan IPBES (*Ad Hoc Intergovernmental And Multi-Stakeholder Meeting On An Intergovernmental Science-Policy Platform On Biodiversity & Ecosystem Services*).

IPBES :

Komitmen Negara Terhadap Penubuhan Panel Antarabangsa Mengenai Biodiversiti & Ekosistem

Seramai 176 pegawai kanan kerajaan dan saintis dari lebih 100 negara bersidang di PICC selama tiga hari iaitu 10 hingga 12 November untuk membincangkan usul penubuhan panel antarabangsa mengenai biodiversiti dan ekosistem. Antara yang turut hadir dalam persidangan itu ialah Pengarah Eksekutif UNEP, Achim Steiner; Menteri Pelajaran Dan Penyelidikan Perancis, Valerie Pecresse; Ketua Pengarah Kementerian Alam Sekitar, Pemeliharaan Alam Dan Keselamatan Nuklear Jerman, Jochen Flasbarth Dan Pengarah Institut Lanjutan Universiti Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu, Datuk Profesor Dr. Zakri A. Hamid. Steiner. Majlis ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar, Datuk Douglas Uggah Embas. Dalam ucapannya beliau berkata, kerajaan Malaysia komited dengan usaha pemeliharaan alam sekitar dan telah menyertai pelbagai program serta perjanjian alam sekitar yang diadakan di peringkat antarabangsa. Malah, kerajaan juga turut memberi input dalam forum antarabangsa ini supaya apabila panel mengenai biodiversiti ini ditubuhkan, ia dapat memenuhi objektif yang ditentukan oleh UNEP.

Mesyuarat Bagi Membincangkan Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2008 & Hala Tuju/Program Strategik Serta Cabaran Baru (2009/RMK-10) NRE

Genting Highlands, Pahang - Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar (NRE) telah mengadakan Mesyuarat Bagi Membincangkan Status Pelaksanaan Pelan Tindakan Perancangan Strategik 2008 & Hala Tuju/Program Strategik Serta Cabaran Baru (2009/RMK-10) pada 28 hingga 30 November 2008 bertempat di Awana Genting, Genting Highlands.



Mesyuarat yang diurusitiakan oleh Bahagian Perancangan Korporat NRE ini telah diadakan bagi menyediakan Pelan Strategik serta Halatuju NRE sebagai dokumen untuk rujukan bagi perancangan tahun 2009 dan masa yang akan datang. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Y.B Datuk Douglas Uggah Embas, Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar dan dihadiri oleh semua Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai kanan di Kementerian beserta Ketua-ketua Pengarah daripada Jabatan dan Agensi dibawahnya.



Dato' Abdul Rasid bin Samsuddin



Dato' Abdul Halim bin Ain

Tahniah

Seluruh warga Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Ketua Pengarah Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG), Y.Bhg Dato' Abdul Halim bin Ain, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), Y.Bhg Dato' Abdul Rasid bin Samsuddin, di atas penganugerahan Anugerah Darjah Indera Mahkota Pahang (DIMP) membawa gelaran Dato' oleh Sultan Pahang Sempena Hari Keputeraan Sultan Pahang ke-78 Pada 24 Oktober 2008.

Persidangan Pentadbir Tanah ke - 16

Oleh : Ahmad Hamidi Mohamad

Johor Bahru - Persidangan Pentadbir Tanah ke-16 telah diadakan di Bandaraya Johor Bahru, Johor pada 2 hingga 4 November 2008. Persidangan pada kali ini membawakan tema "Ke Arah Pengurusan Tanah Lestari bagi Menjayakan Pelaksanaan Projek RMK-9". Persidangan ini telah dihadiri oleh 300 peserta yang terdiri daripada pentadbir-pentadbir tanah di Malaysia. Fokus utama persidangan adalah untuk melihat sejauhmana kejayaan RMK-9 dalam aspek pembangunan pentadbiran tanah di Malaysia. Resolusi yang telah dihasilkan dari persidangan ini dijadikan landasan dalam membina garis panduan penambahbaikan projek-projek RMK-9 dan seterusnya menyusun strategi ke arah pemantapan pentadbiran tanah Malaysia.

Seminar e-Tanah 2008

Oleh : Syed Abdul Bari Syed Othman

Genting Highlands, Pahang - Pasukan Projek e-Tanah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah mengadakan Seminar e-Tanah 2008 pada 16 hingga 19 Disember 2008 di Hotel First World, Genting Highlands. Seminar ini bertujuan untuk meningkatkan pembudayaan kerja melalui Sistem e-Tanah terhadap warga kerja pejabat tanah di Pulau Pinang. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg Dato' Haron Haji Abdul Kader, Pengarah Pasukan Projek e-Tanah dan telah dihadiri seramai 100 orang pegawai dan kakitangan daripada PTG dan PTD Pulau Pinang.

Kursus Kecemerlangan Pemandu & First Responder Life Support

Oleh : Mohd Tarmizi Shaffin

Lanchang, Pahang - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) NRE telah menganjurkan Kursus Kecemerlangan Pemandu dan First Responder Life Support. Kursus ini telah dianjurkan pada 7 hingga 9 November bertempat di Institut Biodiversiti, Lanchang.

Seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada pemandu Gred R3 daripada NRE beserta jabatan dan agensi telah menghadiri kursus ini. Antara objektif kursus ini ialah untuk peserta dapat memahami sifat kecemerlangan dan sikap kerja positif sebagai seorang pemandu ke arah mengaplikasikan budaya mesra pelanggan, memahami dan menerangkan tugas serta tanggungjawab mereka dalam menentukan tahap keselamatan dan kepuasan para pelanggan. Disamping itu, memahami tentang asas pengendalian kenderaan melalui amalan sikap berhemah sewaktu memandu serta memahami pentingnya pengurusan bantuan awal dan cara mengendalikan kemalangan dan bencana yang melibatkan mangsa yang terdiri daripada pelanggan.



Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

INSTUN

Oleh : Norhaidah Riboe



Penerima APC INSTUN 2007 bergambar bersama Pengarah INSTUN



Persembahan silat yang turut memeriahkan sambutan APC pada kali ini

Behrang, 30 Oktober - Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), INSTUN telah diadakan di Auditorium INSTUN. Seramai 12 orang pegawai dan kakitangan yang terdiri daripada lima bahagian di INSTUN telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini. Majlis telah dirasmikan oleh Y.Bhg Tuan Haji Zainal Abidin Arshad, Pengarah INSTUN dan dihadiri oleh pegawai dan kakitangan INSTUN. Disamping itu majlis turut diserikan dengan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Majlis Ramah Mesra bersama keluarga INSTUN.

Pasukan Teras BioKeselamatan Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar

Oleh : Mary Tiong Tze Mei

Akta Biokeselamatan Malaysia (Akta 678) telah diluluskan oleh Parlimen pada 11 Julai 2007 dan telah diperkenalkan pada 29 Ogos 2007.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar adalah focal point bagi hal-hal berkaitan dengan biokeselamatan khususnya untuk mengawal selia sektor bioteknologi moden. Sektor ini di antara lain telah dikenal pasti sebagai salah satu sumber pertumbuhan baru di bawah Dasar Pertanian Kebangsaan (NAP3) dan Dasar Bioteknologi (April 2005). Melalui Akta ini, Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan akan ditubuhkan untuk mengawal selia pelepasan, pengimportan, pengeksporan dan kegunaan terkawal organisma diubah suai yang hidup, dan pelepasan hasil organisma sedemikian dengan tujuan melindungi kesihatan manusia, tumbuh-tumbuhan dan haiwan, alam sekitar dan kepelbagaian biologi. **Pasukan Teras BioKeselamatan**, NRE telah ditubuhkan pada 16 April 2008 bagi memulakan operasi awal Lembaga Biokeselamatan Kebangsaan. Fungsi utama Pasukan Teras BioKeselamatan adalah untuk bertindak sebagai pusat sehati bagi semua isu yang berkaitan dengan biokeselamatan seperti mengkaji semula isu-isu dan merumus polisi yang berkaitan dengan biokeselamatan, memantau semua aktiviti yang berkaitan dengan organisma diubah suai yang hidup, dan yang paling penting mengawasi segala aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang.

Antara aktiviti yang dijalankan pada 2008:

- Bengkel Penilaian Risiko Serangga Transgenik - dianjurkan bersama-sama oleh NRE dan Institut Kajian Perubatan (13-15 Nov 2008)
- Mesyuarat Jawatankuasa Pematuhan di bawah Cartagena Protocol on Biosafety -dianjurkan bersama-sama oleh NRE dan Pusat Kecemerlangan Undang-undang Biodiversiti (CEBLAW) (19-21 Nov 2008)



Antara peserta yang mengikuti Bengkel "Penilaian Risiko Transgenik Serangga" 13-15 November 2008, Hotel Hilton, Petaling Jaya.

Sumber dan Bahan Rujukan Biokeselamatan

Antara bahan dan sumber yang berkaitan dengan Akta Biokeselamatan telah dihasilkan:

- *The Biosafety Act of Malaysia - Dispelling the Myths*
- *Liability and Redress under the Cartagena Protocol on Biosafety - A record of the negotiations for developing international rules*
- *Liability and Redress under the Cartagena Protocol on Biosafety*

Apa Itu Tanah Lembap?

Secara umumnya, tanah lembap adalah merujuk tanah-tanah yang ditenggelami air atau tembusi air sepanjang masa atau sebahagian tempoh masa sahaja, samada secara semulajadi atau buatan manusia. Tanah lembap memainkan peranan penting dalam kehidupan khususnya dalam proses kitaran air selain ia merupakan habitat pelbagai tumbuhan dan haiwan. Selain itu ia mempunyai nilai-nilai ekonomi, budaya, saintifik dan rekreasi.

Jenis Tanah Lembap Di Malaysia

Terdapat tiga jenis tanah lembap yang terdapat di Malaysia, antaranya ialah :

Pesisiran Pantai/Marin:

Air laut yang kedalamannya kurang dari 6 meter, dasar akuatik separa pasang surut, terumbu karang, pantai berpasir, hutan bakau pesisir pantai, muara sungai, dataran lumpur pasang surut dan lagun.

Air Tawar Pendalaman:

Sungai dan anak sungai yang kekal termasuk air terjun, sungai dan anak sungai bermusim, dataran banjir sungai termasuk lembangannya, tasik air tawar kekal, tasik air tawar bermusim, kolam air tawar kekal, kolam air tawar bermusim, paya rawa atau rumput, paya air tawar dan paya hutan, hutan paya gambut, hutan nipah, hutan gelam, paya lain seperti paya sagu, paya berkayu dan mata air tawar.

Buatan:

Kawasan takungan air seperti empangan hidroelektrik, kolam akuakultur, kawasan galian, rawatan sisa buangan, pengairan dan saluran termasuk sawah padi, kolam lain seperti kolam lading, kolam simpanan air, tanah rawa, tasik buatan dan tasik air masin buatan.



Amalan Mesra Alam Di Sekolah

- Menanam pokok kerana ia menyerap karbon dioksida (CO₂) dan membebaskan oksigen (O₂) ke atmosfera.
- Amalkan penggunaan cahaya semulajadi dan biarkan tingkap terbuka. Padamkan suis lampu dan kipas yang tidak digunakan
- Gunakan sapatangan dan mengurangkan penggunaan kertas tisu dan menjimatkan tenaga.
- Gunakan tong sampah sewajarnya.
- Gunakan mesin kira yang mempunyai kuasa suria
- Tutup paip dengan sempurna. Paip yang dibiarkan terbuka mengakibatkan pembaziran sehingga 9 liter air seminit.
- Gunakan kertas klip biasa kerana klip berwarna boleh mengakibatkan keracunan kadmium
- Berjalan atau berbasikal ke sekolah.
- Beli dan guna kertas yang dikitar semula.
- Mengurangkan penghasilan sampah dengan menggunakan pena dakwat isian semula dan pensil mekanikal
- Bawa bekalan sendiri dirumah.

Di petik dan diringkaskan daripada bahan terbitan JAS (Jabatan Alam Sekitar) "Amalan Mesra Alam" hal 13 hingga 18.



Decisive multilateral action on environmental threats and challenges can bring wide-ranging health, social and economic benefits. The Montreal Protocol on Substances that Deplete the Ozone Layer, which underpins our efforts to combat depletion of the earth's fragile protective shield, also contributes to combating climate change, since many of the chemicals controlled under the treaty have also emerged as ones that contribute to global warming. By phasing out chlorofluorocarbons (CFCs) - once common in products such as refrigerators - and now deciding to accelerate a freeze and phase-out of hydrochlorofluorocarbons (HCFCs), the treaty has provided two benefits at once. I hope Governments will look at such results and feel empowered to act across a wide range of environmental challenges, and

not only in prosperous times. Such action should include exploring more fully the natural synergies that can occur among our various multilateral environmental agreements. Next year in Copenhagen, Governments will gather for a crucial meeting on the UN Framework Convention on Climate Change. Our goal must be a decisive new agreement that sets the world on track to stabilize greenhouse gas concentrations in the atmosphere, and that provides the funding needed for vulnerable countries to adapt to the impact of climate change. Such an agreement would not only represent progress on one of the greatest challenges of our time, but is also likely to help tackle urban air pollution, deforestation, the loss of biodiversity and other dangers. After decades of chemical attack, it may take another 50 years or so for the ozone layer to recover

fully. As the Montreal Protocol has taught us, when we degrade our environment too far, nursing it back to health tends to be a long journey, not a quick fix. But the overarching lesson of the Protocol is that by acting on one challenge, we also act on many others. Continued progress, and the possibility of new breakthroughs from Copenhagen and other fora, would also make significant contributions to achieving the Millennium Development Goals. On this International Day, let us pledge to seize more such multi-faceted opportunities, and do our utmost to create tomorrow's green economy today.

Dipetik daripada Laman Web rasmi Jabatan Alam Sekitar (JAS) www.doe.gov.my

Message On The International Day For The Preservation Of The Ozone Layer 16 September 2008



Market turmoil, economic downturns and talk of recession have historically spelt tough times for the environment. At such moments, safeguarding the planet has often been seen as a luxury, and as a burden on economic recovery and development. But the remarkable story of the ozone layer, whose preservation we celebrate today, shows such thinking for what it is : mere myth.

JTLM Lancar Tukun Tiruan Mesra Alam

Oleh : Nor Azean Hasan

Pulau Payar, 4 Disember - Menyedari kepentingan pemuliharaan sumber alam demi menjamin hidupan laut pada masa akan datang, Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM), telah mengadakan Majlis Pelancaran Tukun Tiruan bertempat di Pusat Taman Laut, Pulau Payar, Kedah. Program ini telah dilancarkan oleh Ketua Pengarah, JTLM, iaitu Tn. Hj Abd. Jamal Mydin.



Ketua Pengarah JTLM, Hj Abd. Jamal Mydin memberi penerangan mengenai tukun tiruan yang dilancarkan kepada wakil media.

Sebanyak 20 buah tukun tiruan yang berkonsepkan mesra alam dan mesra pelancong dilancarkan di pusat ini.

Rekabentuk tukun yang dipilih berasaskan beberapa faktor ini tidak memberi kesan kepada habitat semulajadi. Begitu juga daripada aspek pemilihan tapak yang sesuai untuk pelancong menjalankan aktiviti skuba. Pembinaan tukun tiruan merupakan usaha perlindungan untuk hidupan marin dan tempat pembiakan terumbu karang. Kaedah ini terbukti amat berjaya menukar kawasan yang kontang berpasir kepada kawasan yang produktif, maju, kaya dengan keindahan alam semulajadi. Majlis ini telah dihadiri oleh wakil Jabatan Perikanan Negeri Kedah, pegawai dan kakitangan JTLM serta wakil-wakil media setempat.

5 Fakta Yang Anda Perlu Tahu Tentang Terumbu Karang



1 Batu Karang adalah benda hidup!

Walaupun mereka mungkin kelihatan seperti batu-batu atau tumbuh-tumbuhan, karang adalah sebenarnya binatang hidup. Mereka membentuk 'membran' hidup unik yang menutup batuan seperti kebiasaannya.

2 Batu karang sangat peka kepada persekitaran mereka!

Karang boleh mati akibat pertukaran suhu, kemasinan air dan pengenalan bahan pencemar.

3 Batu karang dan membekalkan lebih 50% makanan laut

Lebih daripada 3000 spesies marin tinggal dalam terumbu kita. Dan daripada kawasan pemeliharaan ini datang lebih separuh keseluruhan bekalan makanan laut kita.

4 Batu-batu karang adalah menyelamatkan nyawa

Ubat untuk rawatan kanser dan penyakit jantung telah ditemui dalam sebatian bioaktif yang dikeluarkan dalam batu karang. Selain itu, ia juga digunakan sebagai ganti untuk tulang manusia dalam pembedahan ortopedik.

5 Pemuliharaan batu-batu karang diteruskan

Sementara kebanyakan terumbu dunia telah menderita kerosakan dari penderaan, kita bernasib baik yang terumbu kita kekal tidak rosak secara relatifnya. Marilah kita memainkan peranan kita bagi membantu memelihara warisan semula jadi laut kita.

Dipetik dan diringkaskan daripada laman web rasmi Jabatan Taman Laut Malaysia www.dmpm.gov.my